

Amaran keras buat penceroboh tanah negeri

96 kes dibanteras sejak 1 Januari babit denda RM1.4 juta

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Sebanyak 96 kes membabitkan kesalahan Kanun Tanah Negara, Enakmen Mineral Negeri Pahang, Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Sumber Air Pahang dibanteras bagi tempoh lapan bulan tahun ini sejak 1 Januari lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy, berkata kes itu membabitkan sitaan jentera dan eksibit sebanyak 229 buah manakala kompaun dan denda pula berjumlah RM1.4 juta.

Katanya, berdasarkan statistik tahun lalu, sebanyak 133 kes membabitkan sitaan jentera dan eksibit sebanyak 177 dan nilai kompaun berjumlah RM1.5 juta.

"Kerajaan Pahang juga akan

menekankan pendakwaan dijalankan bagi semua kesalahan sebagai pengajaran dan contoh supaya tiada pihak sewenangnya menceceroboh tanah kerajaan di negeri Pahang.

"Sebanyak lapan kes telah dibawa ke muka pengadilan. Satu kes membabitkan kesalahan pasir silika di Kuantan telah dijatuhkan hukuman denda RM200,000 atau penjara setahun serta semua jentera yang disita diperintahkan untuk dilucut hak kepada Kerajaan Pahang.

"Perkara ini adalah titik tolak untuk Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) membawa lebih banyak kes pendakwaan bagi menjaga kepentingan dan sumber negeri Pahang daripada terus dirompak," katanya menjawab soalan Datuk Seri Shafik Fauzan Sharif (BN-Inderapura) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang semalam.

Katanya, keberhasilan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) tidak boleh dinilai daripada kutipan kompaun dan denda sahaja tetapi boleh ditafsirkan secara tidak langsung dengan peningkatan hasil



Wan Rosdy ketika sesi penggulungan sempena Sidang Dewan Negeri Pahang ke-15 di Wisma Sri Pahang.
(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

di Pejabat Daerah dan Tanah dan anak syarikat negeri.

"Sebagai contoh kutipan royaliti bahan batuan daerah Temerloh meningkat dari RM2.3 juta pada 2021 kepada RM3.5 juta pada tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 150 peratus dan daerah Lipis meningkat dari RM385,000 pada 2021 kepada RM653,000 pada tahun lalu, peningkatan sebanyak 169 peratus.

"Pencapaian ini adalah salah satu contoh keberkesanannya tindakan penguatkuasaan yang dapat dilihat secara tidak langsung iaitu peningkatan pematuhan," katanya.

Takziah kepada waris Johari

Dalam pada itu, DUN Pahang semalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Seri Johari Harun yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Pelangai yang meninggal dunia pada 17 Ogos lalu.

Johari yang juga bekas EXCO Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Pahang antara 10 individu yang maut dalam naas pesawat terhempas di Shah Alam.

Speaker DUN Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, berkata DUN Pahang berasa sedih dengan berita kematian Johari.

"Selepas menang pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), Allahyarham Johari menyatakan hasratnya menggunakan idea dan pengalamannya bagi memperkuatkuah UMNO di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail memandangkan parti itu berdepan situasi mencabar."

Allahyarham Johari dilihat sebagai pemimpin pelapis UMNO Pahang, aktif di lapangan dan melaksanakan tugas dengan baik.